

# DEMİK

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 11/10/17 (PABU)

TIMUR



**IDRIS JUSOH**, Darwis Abdul Razak (tiga dari kiri) dan Daing Nasir Ibrahim (kiri) beramah mesra bersama pelatih dalam majlis ramah mesra pengambilan pertama pelatih program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

## 50 graduan sertai PLKI-ECRL

**KUANTAN 10 Okt.** - Seramai 50 graduan dari seluruh negara dipilih menyertai Program Latihan Kemahiran Industri Projek Landasan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) kenderaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi meningkatkan kemahiran serta pengalaman dalam industri rel di negara ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, UMP dilantik sebagai universiti fokal hasil rundingan kerajaan dengan Malaysia Rail Link (MRL) dan sebuah syarikat dari China, China Communications Construction (CCCC) bagi menjayakan ECRL yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Pengambilan pertama itu yang terdiri daripada 21 graduan diploma dan 29 sarjana muda dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal serta elektrik bagi memberi latihan selama tiga bulan.

"Selepas tamat latihan, mereka berpeluang bekerja dengan MRL, CCCC atau subkontraktor syarikat berkenaan dalam bidang pembinaan, operasi dan penyelenggaraan."



**Selepas tamat latihan, mereka berpeluang bekerja dengan MRL, CCCC atau subkontraktor syarikat berkenaan dalam bidang pembinaan, operasi dan penyelenggaraan."**

**IDRIS JUSOH**  
Menteri Pendidikan Tinggi

raan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam Majlis Ramah Mesra Pengambilan Pertama Pelatih PLKI-ECRL di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Darwis Abdul Razak dan Pengarah Urusan CCCC, Bai Yinzhan.

Idris berharap kumpulan bagi suku pertama 2018 itu dapat me-

nyumbang ke arah pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi yang dijangka beroperasi sepuhunya pada 2024.

Kata beliau, rogram PLKI-ECRL berkenaan melibatkan seramai 3,600 pelatih dalam tempoh lima tahun dengan memberi peluang dalam kalangan pemegang ijazah dan diploma bagi kursus kejuruteraan.

"Proses pemilihan sedang dijalankan melibatkan seramai 300 orang pada 2017, 400 orang (2018), 1,200 orang (2019), 700 orang (2020), 500 orang masing-masing pada 2021 dan 2022. Pembinaan tamat pada 2023 dan beroperasi pada tahun berikutnya," ujarnya.

Beliau berkata, UMP turut membangunkan silibus dengan mendapat kerjasama Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Southwest Jiaotong University (SWJU).

"Pada masa ini, UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Mekanikal memperkenalkan kursus elektrik berkaitan Teknologi Rel yang akan ditawarkan semester ini," katanya.